

KELEWATAN DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA (*DELAY IN INHERITANCE CLAIM*)

Dr.Mohd Fitri Abdul Rahman¹
Prof.Dr. Kamarudin Ngah²
Prof.Madya Jamaludin Mustaffa³
Dr. Rozita Abdul Mutalib⁴
En.Mohd Hilmi Hamzah⁵

Abstrak

Pentadbiran harta pusaka yang cekap dan berkesan bukan sahaja memberi kemudahan kepada rakyat keseluruhan tetapi juga berupaya memacu kemajuan dan pembangunan ekonomi negara. Namun terdapat beberapa masalah yang melengkari dalam sistem pengurusan harta pusaka di Malaysia terutama yang membabitkan isu keengganan atau kelewatan pihak waris untuk mengemukakan tuntutan harta pusaka. Terdapat banyak pendapat yang menuduh permasalahan ini adalah berpunca dari sikap waris, namun kewujudan pelbagai institusi yang mengendalikan pentadbiran harta pusaka dikatakan juga diantara penyumbang kepada keengganan waris-waris mengemukakan tuntutan harta pusaka. Kewujudan pelbagai institusi pengurusan harta pusaka ini, yang bukan sahaja berbeza dari segi sistem pentadbirannya malah turut berbeza dari segi pemakaian undang-undangnya, amat mengelirukan para waris. Kajian ini cuba menyelongkar permasalahan ini melalui temubual dengan para pentadbir dan melalui pengedaran borang soal-selidik kepada 100 responden yang terlibat tuntutan harta pusaka.

Kata Kunci: *Harta Pusaka, Harta Alih, harta tidak alih, Wasiat*

Abstract

An effective and efficient of inheritance property management not only can assisted people to enjoy the government services and even attempted to national development. However there are some problems in inheritance management system in Malaysia, particularly on the issues of refusal or delay to submit a claim of inheritance. There are many opinions that alleges the problem is due to the attitude of the beneficiaries, but the existence of many institutions that handle the administration of the estate is said to be also among the contributors to the reluctance of beneficiaries submitted a claim of inheritance. The existence of various institutional management of the estate, which not only differ in terms of system administration but also different in terms of the application of laws, confusing the beneficiaries. This study attempts to investigate these issues through interviews with administrators and by distributing questionnaires to 100 respondents who had made a claim of inheritance.

Keywords: *Small estate, moveble properties, immoveble properties, will*

GBSE Journal 2016

¹ Senior Lecturer, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Email:mohdfitri@uum.edu.my

² Senior Lecturer, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

³ Senior Lecturer, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

⁴ Senior Lecturer, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

⁵ Research Assistant, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Pengenalan

Sejajar dengan Dasar Pembangunan Negara, sistem pengurusan tanah serta pengurusan harta dan aset negara, beberapa pembaharuan pentadbiran telah diperkenalkan bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Namun begitu kerajaan terpaksa mendepani pelbagai cabaran yang bukan sahaja melibatkan birokrasi di agensi-agensi kerajaan malah turut melibatkan permasalahan di kalangan rakyat. Di antara permasalahan yang berlegar dalam pentadbiran tanah dan pengurusan harta kebelakangan ini adalah isu harta pusaka tidak dituntut mahupun lewat dituntut. Permasalahan harta pusaka tidak dituntut tidak harus dipandang ringan kerana ia berupaya menjejaskan ekonomi dan pembangunan negara. Ini adalah kerana sejajar dengan kemajuan dan pembangunan ekonomi negara, nilai harta pusaka pada masa kini amat bernilai tinggi dan proses memindah milik harta memerlukan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan. Kelemahan dalam sistem pemindahan harta terutama dalam pengurusan pindah milik harta pusaka bakal membantutkan kemajuan ekonomi negara.

Objektif Dan Metodologi Kajian

Kajian ini mensasarkan 4 objektif utama iaitu, mengenalpasti sebab-sebab harta pusaka tidak dituntut atau lewat dituntut, mengenal pasti sikap dan pandangan waris-waris terhadap pentadbiran harta pusaka, serta menilai serta memberi cadangan ke arah penambahbaikan sistem pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dan kuantitatif. Pertama adalah melalui temu bual terhadap 7 pegawai dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Soalan-soalan direkabentuk bagi memandu proses temubual/pengumpulan maklumat secara bersemuka, samada perbincangan secara rasmi atau tidak rasmi ke atas prosedur dan isu tuntutan serta proses penyampaian perkhidmatan pembahagian pusaka. Kedua, adalah melalui pengedaran borang soal-selidik kepada 100 responden yang pernah menfailkan tuntutan harta pusaka. Fokus utama ialah untuk memahami masalah yang dihadapi sepanjang proses tuntutan, termasuk isu kelewatan tuntutan serta melihat tentang sistem penyampaian pentadbiran pusaka di negara ini.

Gambaran Sistem Pentadbiran Harta Pusaka Di Malaysia

Terdapat beberapa institusi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka di Malaysia iaitu;

- a. Mahkamah Tinggi – (harta pusaka besar)-berbidangkuasa mengendalikan pembahagian harta pusaka alih dan tidak alih bernilai lebih dari RM 2 juta dan harta berwasiat. [AKTA PROBET DAN PENTADBIRAN 1959].
- b. Pejabat Tanah (Kerajaan Negeri) / Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)(Kerajaan Persekutuan)- (harta pusaka kecil)- berbidang kuasa mengendalikan harta pusaka alih dan tidak alih bernilai RM 2 juta dan ke bawah serta tidak berwasiat. [AKTA HARTA PUSAKA KECIL 1955]
- c. Amanah Raya Berhad (badan berkaitan kerajaan)- berbidangkuasa mengendalikan harta pusaka alih sahaja dengan nilai RM 2 juta ke bawah serta tidak berwasiat. [AKTA PROBET DAN PENTADBIRAN 1959]

- d. Mahkamah Syariah – membekalkan Sijil Faraid kepada Mahkamah Tinggi, Pejabat Tanah dan Amanah Raya Berhad. [AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM,1993]

Beberapa kajian serta penulisan dilakukan mengenai persoalan harta pusaka. Kebanyakannya berkisar kepada prosedur pembahagian harta pusaka orang Islam terutama berkait undang-undang faraid Islam sepertimana dilakukan oleh Mohd Zamro dan Mohd Ridzuan (2006) dan Md. Yazid dan Hayatullah (2010). Penulisan-penulisan ini turut menonjolkan peranan badan-badan yang bertanggung jawab dalam pengurusan harta pusaka. Halim, Akmal Hdayah dan Azhani (2014), menyatakan secara umumnya, terdapat tiga badan pentadbiran yang mempunyai bidang kuasa untuk mentadbirkan harta pusaka si mati. Badan ini terdiri daripada Mahkamah Tinggi Sivil, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil dan juga Amanah Raya Berhad.. Mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan pembahagian harta si mati atau dalam pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka. Perkara ini juga telah dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes Jumaaton dan Raja Delila lwn Raja Hizaruddin [1998] 6 MLJ 556.

Terdapat juga penulisan mempersoalkan tentang permasalahan kelewatan dalam tuntutan harta pusaka. Md. Yazid dan Hayatullah (2010) menggariskan tujuh sikap dan tingkah laku berkenaan iaitu, sikap suka bertanggung dan berleengah-leengah, perbalahan dan pertelagahan, sikap bergantung kepada pihak-pihak tertentu, sikap tamak dan mementingkan diri, sikap cuai ahli waris, sikap tidak mementingkan pengurusan harta selepas kematian serta tidak mempunyai pengetahuan undang-undang pusaka. Sementara itu, Menurut Mohd Fitri (2007) harta pusaka tidak dituntut mengakibatkan:

- i) waris yang berlapis-lapis. Semakin ramai waris semakin sukar menyelesaikan harta pusaka.
- ii) harta menjadi beku dan tidak bernilai ekonomik.
- iii) harta tidak boleh dimajukan.
- iv) tanah terbiar
- v) wang diinstitusi kewangan/bank tidak boleh dikeluarkan dan digunakan
- vi) risiko wang di institusi kewangan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.
- vii) pembangunan negara terbantut

Dalam pada itu, menurut Berita Harian (1 Julai 2005), lebih dari 900,000 hakmilik di negara ini masih tidak ditukar dan kekal dengan nama si mati, manakala nilai tunggakan cukai tanah bernilai RM 200 juta! Sementara, menurut Nazri Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pada tahun 2007 sebanyak 1 juta kes pusaka tertunggak dengan anggaran nilai berbentuk hartanah berjumlah RM 38 bilion, sebanyak RM 1.5 bilion dalam bentuk tunai termasuk RM 70 juta masih tersimpan(tidak dituntut) di KWSP (Dewan Masyarakat, Julai 2007).

Manakala menurut Rusnadewi dan Noor Inayah (2008) masyarakat di negara ini kurang mempunyai kecenderungan untuk membuat perancangan pengagihan harta secara teliti terutamanya dalam membuat perancangan awal. Kesan daripada itu, mereka telah bergantung sepenuhnya kepada sistem pewarisan harta selepas kematian iaitu pembahagian secara farāid. Oleh yang demikian, persepsi masyarakat yang berpandangan bahawa perancangan awal pengagihan

harta tidak diperlukan sama sekali memandangkan harta boleh diagihkan melalui sistem farāid sewajarnya dikikis. Sebaliknya, perancangan pengagihan harta semasa hidup seperti pemberian melalui hibah dan wasiat perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan masalah tersebut kerana ia jelas merugikan masyarakat Islam.

Mohd Fitri (2007) bukan sahaja memaparkan persoalan harta pusaka orang Islam tetapi merangkumi harta pusaka bukan Islam dan bagaimana harta pusaka ini diselesaikan. Mohd Fitri(2007) turut mempersoalkan tentang begitu banyak badan-badan yang bertanggung jawab dalam pengurusan harta pusaka dan situasi ini cenderung mengelirukan rakyat. Beliau menyenaraikan 3 badan utama yang bertanggung jawab terhadap harta pusaka iaitu Mahkamah Tinggi, Pejabat Tanah (JKPTG) dan juga Amanah Raya Berhad. Namun ada juga yang mengemukakan pandangan tentang peranan Mahkamah Syariah dalam pembahagian harta pusaka.

Menurut Mohd Zamro dan Mohd Ridzuan (2006) misalnya menyatakan bahawa Mahkamah Syariah juga berbidang kuasa dalam pentadbiran harta pusaka. Pindaan Kanun Tanah Negara 1965 pada 1992, menyebut bahawa “bagi maksud seksyen 417 dan 420 ‘Mahkamah’ termasuklah Mahkamah Syariah. Menurut mereka, pindaan ini bertujuan memberi pengiktirafan terhadap perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah berhubung hartat tanah orang Islam, sama ada dalam bentuk harta pusaka, harta sepencarian, wasiat,wakaf, hibah dan sebagainya.

Hasil Kajian

Mengenalpasti sebab-sebab harta pusaka tidak dituntut atau lewat dituntut.

Berdasarkan edaran borang soal-selidik, sebab utama si mati lewat mengemukakan tuntutan harta pusaka adalah kerana si mati tidak meninggalkan harta yang banyak. Alasan ini berada dikedudukan pertama iaitu per purata 18.0. Pernyataan ini membawa konotasi bahawa oleh kerana harta tidak banyak, ia tidak menjadi penting dan tidak perlu tergesa-gesa untuk menuntutnya. Menurut R3, En.Saifuddin bin Aziz, yang merupakan Ketua Penolong Pengarah Pusaka Negeri Perlis, berpengalaman selama 18 tahun dalam pentadbiran harta pusaka, harta sedikit bermaksud bahagian yang akan diperolehi waris-waris makin bertambah sedikit, apatah lagi jika waris-waris ramai. Oleh yang demikian tidak berbaloi untuk menghabiskan masa dan wang menguruskan pembahagian jika harta yang akan diperolehi setelah pembahagian teramat sedikit. Alasan ini adalah tepat bagi pengurusan pusaka di Pejabat Pembahagian Pusaka kerana nilai tertinggi bagi pembahagian di pejabat ini adalah RM 2 juta sahaja.

Ditempat kedua sebanyak 9.8 adalah kerana tiada masa dan tiada kerjasama antara waris. Menurut responden R3 dan R6, alasan ini sentiasa disuarakan oleh para waris. En.Saifuddin umpamanya menyatakan waris-waris mengemukakan alasan sibuk bekerja, tiada cuti dan tidak sempat menghubungi waris-waris. Manakala dalam isu ini, menurut R6, Puan Norhanan Bakar, Ketua Unit Pembahagian Pusaka Sungai Petani, alasan sibuk bekerja berkaitan rapat dengan sikap waris yang tidak mengambil endah tentang urusan pembahagian pusaka serta dianggap kurang penting. Manakala itu, menurut Norhanan, tiada kerjasama antara waris pula keengganan para waris mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi tujuan tuntutan harta si mati seperti kad pengenalan, geran tanah, buku akaun simpanan dan sebagainya disimpan oleh berlainan waris.

Tiada kerjasama juga berlaku bilamana waris-waris enggan datang ke pejabat untuk menghadiri perbicaraan atau menandatangani surat sumpah.

Manakala itu dikedudukan terendah alasan melewatkan urusan pembahagian harta pusaka adalah banyak dokumen yang diperlukan (5.5) dan waris berebut harta (5.3). Penemuan ini ada benarnya kerana masa kini pejabat pembahagian pusaka telah mengemaskinikan prosedur tuntutan serta turut menggunakan aplikasi internet. Waris berebut harta atau pertelingkahan sesama waris bukan lagi isu utama waris-waris melambatkan tuntutan harta pusaka. Rata-rata masyarakat ini sudah berpelajaran tinggi dan melihat isu tuntutan pusaka sebagai suatu tuntutan agama yang perlu diselesaikan secara harmoni.

Namun begitu, berlainan dengan pendapat Responden R3 dan R6 yang menyatakan pertelingkahan sesama waris masih merupakan di antara isu utama waris lewat mengemukakan tuntutan harta pusaka. Menurut mereka, terdapat waris-waris yang bersikap ingin membolot kesemua harta si mati dan sikap ini mendapat penentangan dari waris-waris lain. Sementara itu terdapat juga kes di mana pertelingkahan bukan disebabkan perebutan harta pusaka tetapi disebabkan masalah-masalah lain. Namun disebabkan keinginan hubungan, mereka cenderung bertelingkah termasuk dalam isu-isu pembahagian harta pusaka.

Mengenalpasti sikap dan pandangan waris-waris terhadap pentadbiran harta pusaka.

Bahagian ini adalah untuk mengenal pasti sikap dan pandangan waris serta rakyat negara ini terhadap pentadbiran harta pusaka. Rata-rata responden mempunyai ilmu pengetahuan tentang institusi yang menguruskan harta pusaka (68%). Mereka mengetahui peranan Pejabat Tanah/Pejabat Pembahagian Pusaka (61%), Amanah Raya Berhad (52%), Mahkamah Tinggi (49%) dalam urusan tuntutan harta pusaka. Namun peratusan yang mengetahui peranan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah/Pejabat Agama dalam urusan harta pusaka adalah agak rendah (49%, 52%). Mahkamah Tinggi walaupun mempunyai bidang kuasa mengendalikan harta pusaka kecil namun pada amalnya mereka hanya menerima permohonan harta pusaka bernilai RM 2 juta ke atas. Begitu juga dengan Pejabat Agama, walaupun sijil faraid dikeluarkan oleh Pejabat Agama namun urusan ini boleh juga dikendalikan oleh Pegawai-Pegawai di Seksyen Pembahagian Pusaka. Manakala mereka turut mengetahui tentang peranan Amanah Raya Berhad kerana kebiasaannya waris-waris mengemukakan tuntutan harta alih seperti simpanan wang di bank di Amanah Raya Berhad. Dalam pada itu, para responden bukan sekadar mengetahui kewujudan institusi-institusi ini tetapi selanjutnya mengetahui tentang bidang kuasa yang dimiliki oleh jabatan berkenaan seperti dari segi nilai harta dan pusaka berwasiat dan tidak berwasiat (57%). Malangnya angka ini masih ditahap sederhana, bermakna separuh daripadanya tidak mengetahui tentang bidang kuasa yang dimiliki oleh institusi-institusi ini.

Namun yang menariknya kebanyakan responden bersetuju tentang keperluan mewujudkan hanya satu sahaja institusi yang mengendalikan urusan pembahagian pusaka (69%). Mereka menyatakan terlalu banyak institusi yang mengendalikan harta pusaka akan menyusahkan waris (54%) dan mereka pening memikirkan di mana seharusnya diajukan tuntutan pusaka (59%).

Cadangan ke arah penambaaikan sistem pentadbiran harta pusaka di Malaysia.

Untuk menilai semula sistem pentadbiran harta pusaka di negara ini, terlebih dahulu diringkaskan keadaan atau senario atau kedudukan sistem pentadbiran pusaka pada hari ini. Pertamanya ialah, terdapat banyak institusi yang mengendalikan pengurusan harta pusaka iaitu Mahkamah Tinggi, Mahkamah Syariah, Amanah Raya Berhad, Pejabat Tanah atau/dan Seksyen Pembahagian Pusaka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Pada asasnya kewujudan banyak institusi ini boleh mengeliru dan menyusahkan waris-waris. Bukan sahaja institusi ini berbeza dari segi naungan pentadbirannya malah berbeza dari undang-undang yang dipakai. Mahkamah Tinggi di bawah Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia naungan Jabatan Perdana Menteri. Mahkamah Syariah di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri namun masih tertaklok kepada bidang kuasa kerajaan Negeri. Manakala Amanah Raya Berhad merupakan sebuah syarikat korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Sementara itu, Pejabat Tanah adalah jabatan di bawah kerajaan negeri dan Seksyen Pembahagian Pusaka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian adalah di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Naungan yang berbeza mengakibatkan sistem pentadbiran yang juga berbeza. Malah peraturan dan undang-undang yang digunapakai bagi mengendalikan tuntutan harta pusaka turut berbeza. Misalnya, Amanah Raya Berhad menggunakan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Pejabat Tanah/Seksyen Pembahagian Pusaka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian menggunakan Akta Harta Pusaka Kecil 1955. Mahkamah Tinggi pula menggunakan Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Manakala itu, Mahkamah Syariah yang hanya berkuasa mengeluarkan sijil faraid berdasarkan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1993. Kementerian serta jabatan yang berbeza berserta dengan pemakaian undang-undang yang berbeza boleh mengelirukan waris-waris.

Agak bernasib baik kerana berdasarkan kajian dan responden yang ditemui, 68% mengetahui tentang wujudnya pelbagai institusi berkenaan malah selanjutnya mereka mengetahui tentang bidang kuasa masing-masing yang dimiliki oleh badan-badan ini (57%). Namun separuh dari responden (54%) berpendapat bahawa kewujudan pelbagai institusi ini menyusahkan waris dan mereka sukar menentukan di manakah seharusnya diajukan tuntutan pusaka (59%). Sebagai contoh bagaimana kekeliruan berlaku adalah seperti berikut;

- a. Permohonan telah diajukan ke ARB namun oleh kerana terdapat harta tidak alih waris-waris diarahkan/atau fail dipindahkan ke Pejabat Tanah/Seksyen Pembahagian Pusaka JKPTG (ARB hanya berbidang kuasa harta alih sahaja).
- b. Permohonan telah diajukan ke Pejabat Tanah/Seksyen Pembahagian Pusaka JKPTG namun oleh kerana si mati meninggalkan wasiat, fail dipindahkan ke Mahkamah Tinggi (Pejabat Tanah tidak berbidang kuasa mengendalikan harta berwasiat).
- c. Permohonan telah diajukan ke Pejabat Tanah/Seksyen Pembahagian Pusaka JKPTG namun fail perlu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi kerana harta si mati melebihi RM 3 juta (Pejabat Tanah/JKPTG hanya berbidang kuasa nilai harta RM2 juta).

Kedua, harus melihat kepada kelewatan dalam pembahagian pusaka dan yang paling kritikal waris enggan mengemukakan tuntutan. Walaupun kewujudan pelbagai institusi ini bukan menjadi sebab utama dalam kelewatan pembahagian pusaka (skala 5.8) tetapi ia harus diberi perhatian serius bagi mendekatkan dan memudahkan waris mengemukakan tuntutan. Seterusnya adalah untuk melihat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kelewatan dalam pembahagian pusaka di mana ia

banyak didominasi oleh faktor-faktor di pihak waris-waris sendiri. Sebagai contoh, si mati tidak meninggalkan harta yang banyak (per purata 18.0) dan tiada masa serta tiada kerjasama sesama waris (per purata 9.8). Dapatan begini adalah logik disebabkan waris-waris yang dijumpai tidak berpengalaman atau perlu menjalani urusan tuntutan di kesemua institusi yang dinyatakan.

Oleh yang demikian, kertas ini mengemukakan beberapa cadangan bagi menambak sistem pentadbiran harta pusaka di Malaysia iaitu;

- a. Walaupun kewujudan pelbagai institusi pengurusan harta pusaka tidak kelihatan begitu memberi masalah kepada waris-waris (hanya berdasarkan 100 responden melalui kajian ini) namun usaha tetap diperlukan bagi menyeragamkan proses tuntutan harta pusaka di negara ini. Kami mencadangkan;
 - i) diwujudkan hanya satu institusi pengurusan harta pusaka disebut **Jabatan Pengurusan Harta Pusaka Malaysia** di bawah Jabatan Perdana Menteri, berbidangkuasa mengendalikan tuntutan harta pusaka RM5 juta dan ke bawah samada harta alih mahupun harta tidak alih. Juga berbidang kuasa mengendalikan harta pusaka berwasiat dan tidak berwasiat.
 - ii) bidang kuasa Amanah Raya Berhad dan Pejabat Tanah dilupuskan. Bermaksud Amanah Raya Berhad hanya mengendalikan harta-harta amanah bagi seluruh negara manakala Pejabat Tanah hanya berperanan mengeluarkan Carian Rasmi (penyata Geran Tanah).
 - iii) Mahkamah Syariah hanya diberi peranan sedia ada seperti menguruskan harta sepencarian, hebah, hadiah dan wasiat orang Islam.
 - iv) Mahkamah Tinggi mengendalikan urusan tuntutan harta pusaka RM5,000,001 dan ke atas serta harta pusaka berwasiat dan tidak berwasiat serta mengendalikan kes-kes rayuan harta pusaka.
- b. Suatu kempen agresif dan berkesan perlu dilakukan bagi menyedarkan waris-waris tentang keperluan dan kepentingan untuk segera menuntut harta pusaka. Media-media cetak, elektronik serta media-media sosial perlu dieksploitasi sepenuhnya bagi menjayakan kempen ini. Elemen keagamaan perlu diterapkan dalam usaha kempen ini agar dapat menyedarkan orang ramai. Oleh yang demikian medium surau dan masjid juga harus dipergunakan bagi memberi kesan mendalam terhadap kempen ini. Pentadbiran, pengurusan serta undang-undang harta pusaka perlu dimasukkan dalam mana-mana silibus pembelajaran di sekolah menengah dan universiti.

Kesimpulan

Harta pusaka pada hari ini tidak lagi dilihat umpama rumah usang terceruk di sudut kampung. Bersesuaian dengan perkembangan zaman, harta pusaka hari ini bernilai ratusan juta ringgit. Harta pusaka bernilai ekonomik serta menyumbang ke arah pembangunan negara. Oleh yang demikian isu harta pusaka tidak boleh diketepikan. Semua individu di negara ini harus prihatin terhadap harta pusaka. Apatah lagi bagi waris-waris, jabatan-jabatan kerajaan, swasta, masyarakat umum, mahupun pimpinan politik harus berusaha memandang serius dan memberi komitmen sepenuhnya agar harta

pusaka dapat diperturunkan dari generasi ke generasi. Ini agar harta pusaka boleh diperguna dan dimajukan serta tidak membiarkannya tanpa nilai ekonomik. Sistem pengurusan harta pusaka harus diperkemaskan malah lebih baik mewujudkan hanya satu jabatan sahaja bagi menguruskan tuntutan dan perbicaraan harta pusaka. Isu kelewatan dalam tuntutan harta pusaka perlu diberi perhatian yang lebih mendalam terutama dalam kalangan waris-waris sendiri. Menuntut harta pusaka perlu disematkan sebagaimana suatu tanggung jawab besar bukan sahaja kepada keluarga malah pada agama, bangsa dan negara.

RUJUKAN

Akta Harta Pusaka, 1955

Akta Pentabiran Undang-Undang Islam, 1993

Akta Probet dan Pentadbiran, 1959

Dewan Masyarakat, Julai 2007

[1998] 6 Malaysian Law Journal 556.

Halim, Akmal Hidayah and Arshad, Azhani (2014) *Penentuan harta pusaka di Malaysia: kajian dari perspektif undang-undang sivil dan Syariah*. Kanun - Jurnal Undang-Undang Malaysia, 26 (2). pp. 153-172. ISSN 0128-2670

Mohd Fitri Abd Rahman (2007). *Bagaimana mengurus harta pusaka*. PTS Publications: Kuala Lumpur.

Mohd Yazid & Hayatullah (2010). *Amalan pembahagian harta pusaka dan wasiat di Malaysia*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Mohd Zamro Muda & Mohd. Ridzuan Awang (2006). *Undang-undang pusaka Islam: pelaksanaan di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Rusnadewi & Noor Inayah Yaakub (2008). *Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagian Harta Pusaka di Malaysia*. Jurnal Intelek. Vol.5 N0.2